

## **Wakaf Dan Pembangunan Sosioekonomi: Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat Islam**

### ***[Waqf And Socioeconomic Development: Towards The Well-Being of Muslim Communities]***

**Nurul Anis Nabihah Mohd Syah<sup>1</sup>, Hallieyana Sha'ari<sup>2</sup>,  
Nur Atikah Rosli<sup>3</sup> & Noor Amani Mohamed Hussin<sup>4</sup>**

- <sup>1</sup> (Corresponding Author) Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, Malaysia, anisnabihahsyah25@gmail.com
- <sup>2</sup> Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu Malaysia, hallieyana@kias.edu.my
- <sup>3</sup> Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Baharu, Malaysia. atikah@kias.edu.my
- <sup>4</sup> Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, Malaysia, amani@kias.edu.my

#### **ABSTRACT**

*This study explores the concept, role, and significance of waqf as a socio-economic instrument promoting sustainable development and social justice in Muslim societies. It highlights how waqf, rooted in Islamic teachings as a form of perpetual charity, has historically contributed to education, healthcare, housing, and community welfare from the time of the Prophet to modern times. The study examines the evolution of waqf institutions, their governance framework in Malaysia, and their role in supporting national development agendas through initiatives managed by State Islamic Religious Councils (SIRC). It also examines contemporary practices and challenges, including governance transparency, legal constraints, limited public awareness, and technological gaps. The findings emphasize that waqf remains a vital financial mechanism for socio-economic empowerment, provided that reforms in management, innovation, and digitalization are strengthened. Overall, waqf not only fulfills religious obligations but also serves as a strategic tool for equitable wealth distribution, poverty alleviation, and community resilience, in line with the principles of Maqasid al-Shariah.*

**Keywords:** *Waqf, Socioeconomic Development, Islamic Finance, Governance*

---

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti konsep, peranan dan kepentingan wakaf sebagai instrumen sosioekonomi yang berperanan dalam memacu pembangunan mampan dan keadilan sosial dalam masyarakat Islam. Wakaf yang berasaskan ajaran Islam sebagai amalan sedekah jariah telah lama menyumbang kepada sektor pendidikan, kesihatan, perumahan dan kebajikan masyarakat sejak zaman Rasulullah SAW hingga era moden. Kajian ini turut membincangkan evolusi institusi wakaf, kerangka tadbir urus di Malaysia serta peranannya dalam menyokong agenda pembangunan negara melalui inisiatif di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Selain itu, ia menelusuri amalan dan cabaran kontemporari seperti isu ketelusan tadbir urus, kekangan undang-undang, tahap kesedaran masyarakat yang rendah dan keterbatasan penggunaan teknologi. Dapatan kajian menegaskan bahawa wakaf kekal sebagai mekanisme kewangan penting dalam memperkasakan ekonomi ummah sekiranya aspek pengurusan, inovasi dan digitalisasi terus dipertingkatkan. Secara keseluruhannya, wakaf bukan sahaja memenuhi tuntutan agama sebagai amal jariah, tetapi juga merupakan alat strategik dalam pengagihan kekayaan, pengurangan kemiskinan dan pembentukan masyarakat yang sejahtera sejajar dengan prinsip *Maqasid al-Shariah*.

**Kata Kunci:** Wakaf, Pembangunan Sosioekonomi, Kewangan Islam, Tadbir urus

### How to Cite:

Received : 09.04.2026

Revised : 05.05.2026

Accepted : 12.05.2026

Published : 31.05.2026

Mohd Syah, N. A. N., Sha'ari, H., Rosli, N. A., & Mohamed Hussin, N. A. (2026). Wakaf dan Pembangunan Sosioekonomi: ke Arah Kesejahteraan Masyarakat Islam. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 7(1), 15–31

## 1. Pendahuluan

Wakaf merupakan harta yang dimiliki dan disumbangkan di jalan Allah untuk dimanfaatkan oleh sosial dan masyarakat (Suraini et al, 2021; Yasin et al, 2023 & Junaida et al, 2024). Antara kaedah pengagihan harta ialah berwakaf, iaitu pemberian kepada pihak tertentu atau pemegang amanah (*trustee*) untuk menjalankan dan menguruskan harta (Firdaus et al, 2020 & Junaida et al, 2024). Wakaf boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk sumbangan seperti tanah untuk tujuan keagamaan, pembangunan masjid, madrasah, hospital atau sumbangan dalam bentuk lain untuk kegunaan masyarakat (Junaida et al, 2024). Hasil daripada sumbangan wakaf, ia boleh digunakan untuk manfaat umum dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan, dan juga komuniti (Amelia & Asmak, 2021; Junaida et al, 2024 & Norshahira et al, 2024).

Wakaf juga termasuk dalam kategori sadaqah jariyah kerana manfaatnya kekal berterusan walaupun pewakaf telah meninggal dunia (Mariam et al, 2014). Namun, menurut Agita & Moch (2021) menyatakan

bahawa wakaf biasanya termasuk dalam *infaq fi sabilillah* dan ayat al-Quran menjelaskannya iaitu:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَتَتْ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Terjemahan : “Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurniaan-Nya) lagi Maha Mengetahui.” (Q.S. Al-Baqarah, 2: 261)

Menurut Agita dan Moch (2021) dan Norshahira et al (2024), targhib (tangkai) digambarkan sebagai suatu kebajikan yang ditanam dan kemudiannya menghasilkan ganjaran berganda hingga mencapai tujuh ratus kali. Rajuli et al. (2020) menegaskan bahawa berwakaf pada hakikatnya ialah pengorbanan harta untuk menegakkan jalan Allah yang tidak membawa kerugian, sebaliknya mendatangkan keuntungan. Manakala menurut Sari & Kartika (2006), infak dalam ayat ini ditafsirkan sebagai usaha penggalangan dana yang digunakan bagi pembangunan kegiatan sosial dan produktif demi kesejahteraan umat.

Menurutnya Amelia dan Asmak (2021), idea wakaf ialah alat yang telah lama digunakan untuk membangunkan ekonomi sejak zaman para sahabat dan kegemilangan Islam. Wakaf digunakan dalam pelbagai bidang, seperti pendidikan, kesihatan dan keagamaan, dan ia mengamalkan prinsip tolong-menolong dalam masyarakat.

## 2. Skop dan Metodologi

Konsep wakaf dan fungsinya sebagai instrumen sosioekonomi Islam dikaji dalam kajian ini melalui kaedah kualitatif. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menghuraikan isu wakaf secara mendalam berdasarkan perspektif teori dan penulisan ilmiah yang berkaitan. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kajian kepustakaan, iaitu dengan meneliti sumber-sumber ilmiah yang berkaitan dengan wakaf dan pembangunan sosioekonomi.

Untuk mendapatkan data kajian, dokumen yang berkaitan dengan pengurusan wakaf dikaji, termasuk laporan rasmi, prosiding persidangan dan artikel jurnal. Selain itu, kajian daripada institusi berkaitan seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dirujuk untuk meningkatkan pemahaman tentang perkembangan dan pelaksanaan wakaf di Malaysia pada masa ini.

Analisis kandungan secara tematik digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh. Kaedah ini membolehkan maklumat daripada sumber rujukan

dikategorikan dan ditafsirkan untuk menentukan isu penting yang berkaitan dengan tanggungjawab wakaf untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Hasil analisis ini membantu menjelaskan kepentingan wakaf sebagai instrumen sosioekonomi yang mematuhi prinsip Maqasid al-Shariah.

Dalam konteks semasa, peranan wakaf menjadi semakin penting kerana ia mampu berfungsi sebagai instrumen sosioekonomi yang bukan sahaja membantu golongan asnaf dan memerlukan, malah turut menyokong agenda pembangunan negara dalam aspek pendidikan, kesihatan, perumahan dan kesejahteraan masyarakat (Zaim et al, 2015). Justeru, tajuk ini amat signifikan untuk dibincangkan memandangkan ia bukan sekadar memenuhi tuntutan agama, tetapi juga menjadi salah satu mekanisme strategik dalam mencapai keseimbangan sosial dan ekonomi yang mampan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan konsep dan sejarah wakaf, kepentingannya dalam pembangunan sosioekonomi, amalan kontemporari serta cabaran yang dihadapi, sebelum mencadangkan pendekatan dan hala tuju masa depan dalam memperkukuhkan peranan wakaf di Malaysia dan peringkat global.

### 3. Pengertian Wakaf

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) edisi Keempat mentakrifkan wakaf [wa.kaf]/[wa.qaf] sebagai sesuatu yang diberikan bagi kepentingan orang lain iaitu derma atau diberikan bagi memenuhi keperluan agama Islam (Laman Rasmi DBP, 2017). Wakaf dari sudut bahasa ialah berhenti, menegah dan menahan (Anis et al, 2017; Yusoff et al, 2020 & Suraini et al, 2021). Manakala wakaf menurut istilah syarak ialah penyerahan harta daripada pemilik asal untuk digunakan bagi tujuan kebajikan (Suraini et al, 2021).

Dari segi istilah, ia merujuk kepada pemberian harta kepada orang lain (Suraini et al, 2021). *Jumhur fuqaha* mendefinisikan wakaf sebagai penahanan harta daripada sebarang pemindahan pemilikan, dengan faedah yang diberikan untuk tujuan kebajikan bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT (Firdaus et al, 2020 & Anis et al, 2017). Menurut Imam Taqiyuddin, wakaf bermaksud menahan harta daripada sebarang tasarruf, sementara manfaatnya dibenarkan untuk dimanfaatkan untuk menjadi lebih dekat dengan Allah SWT (Yusoff et al, 2021). Pensyariatan wakaf mengikut firman Allah SWT dalam Al-Quran:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Terjemahan: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian daripada

apa yang kamu sayangi. dan sesuatu apa jua Yang kamu dermakan maka Sesungguhnya Allah mengetahuinya” (Q.S. Ali Imran, 3: 92)

Menurut Zaim et al (2015), wakaf adalah amalan yang dijanjikan ganjaran yang besar oleh Allah SWT. Pewakaf akan menerima pahala secara berterusan serta berlipat kali ganda, sama ada di dunia mahupun di akhirat, seperti yang dinyatakan dalam hadis Nabi SAW:

*Dari Abi Hurairah RA: Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Apabila mati seseorang anak Adam, terputus segala amalannya kecuali tiga benda, sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain, dan anak soleh yang sentiasa mendoakan kepadanya.” (Riwayat Abu Daud)*

### 3.1 Konsep Wakaf Dalam Islam Dan Sejarah Wakaf

Konsep wakaf ini berasaskan prinsip bahawa harta pada hakikatnya adalah milik Allah SWT, manakala manusia hanyalah pemegang amanah (*trustee*) yang bertanggungjawab menggunakan harta tersebut bagi tujuan yang membawa manfaat bersama (Suriani et al, 2021). Wakaf berperanan dalam konteks ekonomi Islam kerana ia mempunyai nilai keagamaan dan kemasyarakatan yang kaya (Norshahira et al, 2024).

Selain itu, wakaf komited untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi masyarakat yang mengutamakan keadilan dan kesejahteraan sejagat (Norshahira et al, 2024). Wakaf yang selalu bermain difikiran masyarakat adalah pemberian sumbangan dalam berbentuk harta yang kekal iaitu tidak bergerak seperti tanah dan bangunan yang kebanyakannya digunakan dalam pembangunan seperti pembinaan masjid dan institusi pendidikan (Yasin et al, 2023).

### 3.2 Jenis-Jenis Wakaf

Terdapat lima jenis wakaf yang membezakan tujuan dan manfaat wakaf itu sendiri. Jadual 1 di bawah menunjukkan lima wakaf dan penjelasan mengenainya.

Jadual 1: Jenis-jenis Wakaf

Jenis-jenis Wakaf	Penjelasan	Rujukan
Wakaf <i>Dzurri</i> / Ahli	Wakaf yang merangkumi aspek kebajikan yang diberikan kepada kaum kerabat yang mempunyai hubungan dengan pewakaf. Ia juga memberi tumpuan kepada kesejahteraan dan kelangsungan hidup ahli keluarga pewakaf.	Zahari et al (2021) & Norshahira et al (2024)

	Apabila seorang ahli meninggal dunia, wakaf memberi manfaat kepada penderma, ahli keluarga dan masyarakat secara keseluruhan.	
Wakaf <i>Musytarak</i>	Wakaf di mana sebahagian daripada faedah diberikan kepada ahli keluarga dan beberapa bahagian lagi kepada masyarakat secara keseluruhan.	Sakinah Abdul Samad et al (2022) & Norshahira et al (2024)
Wakaf <i>Khairi / Umum</i>	Wakaf kebajikan tersedia untuk semua dan bertujuan untuk kepentingan umum, bukannya untuk individu tertentu.  Ia adalah selaras dengan prinsip wakaf Islam, di mana pahala berwakaf akan kekal dengan pewakaf selagi harta wakaf boleh digunakan untuk umum, walaupun pewakaf itu telah meninggal dunia.	Zahari et al (2021) & Norshahira et al (2024)
Wakaf Khas	Wakaf adalah unik apabila diberikan oleh pewakaf kepada penerima atau objektif tertentu.  Wakaf yang berterusan atau terhad untuk tujuan agama atau khairat yang dibenarkan oleh Hukum Syarak, serta harta yang diwakafkan untuk tujuan ini yang berasal daripada wang yang diberikan kepada orang lain atau untuk tujuan yang dinyatakan dalam wakaf.	Sri Rahmany (2019) & Zahari et al (2021)
Wakaf Am	Wakaf yang diserahkan tanpa menentukan siapa yang akan menerima manfaatnya.  Wakaf yang berkekalan atas modal dan keuntungan daripada harta untuk tujuan agama atau khairat yang dibenarkan oleh Hukum Syarak, serta yang diwakafkan untuk tujuan ini.	Sri Rahmany (2019) & Zahari et al (2021)

(Sumber: Sri Rahmany (2019); Zahari et al (2021); Sakinah Abdul Samad et al (2022) & Norshahira et al (2024))

### 3.3 Sejarah Dan Evolusi Wakaf

Sejarah terulung wakaf dalam ketamadunan dan peradaban manusia adalah Masjid al-Haram di Mekah dan Masjid Al-Aqsa di Palestin serta beberapa seni bina lain sebelum kedatangan Islam seperti gereja, kuil dan rumah ibadat agama lain (Taib & Kamal, 2014; Daud et al, 2023). Semua seni bina ini dimiliki oleh seseorang individu dan faedahnya telah digunakan untuk beribadat oleh penganutnya (Taib & Kamal, 2014).

Sejarah wakaf mula berkembang di zaman Rasulullah SAW, diteruskan di zaman khulafa' ar-Rashidin, zaman kerajaan Islam seperti Kerajaan Umaiyyah, Abasiyyah, Ayyubiyah, Mamluk, Uthmaniyyah di Turki dan masih utuh hingga ke zaman kini. Menurut Taib & Kamal (2014) dan

Daud et. al. (2023), diringkaskan dalam Jadual 2 di bawah adalah gambaran ringkas sumbangan wakaf di sepanjang zaman:

Jadual 2: Sejarah Wakaf

Zaman	Sumbangan Wakaf
Sebelum Kedatangan Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masjid al-Aqsa di Palestin (dibangunkan oleh Nabi Adam).</li> <li>Masjid al-Haram di Mekah (dibangunkan oleh Nabi Ibrahim).</li> <li>Rumah ibadat agama lain seperti gereja Yahudi dan Nasrani</li> </ul>
Zaman Rasulullah SAW & Zaman Sahabat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masjid Quba' di Madinah (dibangunkan semasa Nabi berhijrah ke Madinah).</li> <li>Masjid Nabawi di Madinah (dibina di atas tanah anak yatim dari Bani Al-Najjar, yang dibeli dengan harga 800 dirham oleh Nabi).</li> <li>7 kebun kurma di Madinah (<i>Shafiyah, Barkah, A'raf, Dalal</i> dan lain-lain).</li> <li><i>Bairah</i> (kebun kesayangan Abu Thalbah).</li> <li>Telaga <i>Ar-Raumah</i> (dibeli dan diwakafkan untuk manfaat umat Islam oleh Uthman bin Affan).</li> <li>Tanah Abu Bakar di Mekah (bagi keturunannya yang akan datang di Mekah).</li> <li>Tanah di Khaibar (harta Umar Ibn al-Khattab yang ditukarkan kepada membeli tanah di Khaibar).</li> <li><i>Dar Al-Ansar</i> (rumah Mu'az bin Jabal)</li> <li>Rumah Zubair bin Awwam (kegunaan anak-anaknya)</li> <li>Rumah 3 buah rumah Abu Bakar (kegunaan anak-anak dan kaum kerabatnya).</li> <li>Rumah Zaid bin Tsabit (kegunaan anak-anak, cucu-cucu dan zuriat keterunannya).</li> <li>Rumah Uqbah bin 'Amir (kegunaan ahli keluarga).</li> <li>Rumah Aisyah RA (kegunaan ahli keluarga)</li> </ul>
Zaman Kerajaan Islam (Zaman Umaiyyah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penubuhan Badan Pengurusan bagi <i>Awqaf</i> di Mesir oleh Khalifah Hisham bin 'Abd al-Malik.</li> <li>Mewujudkan <i>Diwan</i>, bilik yang dikhaskan untuk urusan pewakafan.</li> <li><i>Qadhi</i> mengarahkan segala perkaitan wakaf didaftarkan dalam <i>Sijjil</i> (buku khusus untuk merekodkan semua berkenaan pendaftaran wakaf).</li> <li>Wakaf meliputi pusat-pusat pendidikan, masjid, perpustakaan dan hospital.</li> </ul>
Zaman Kerajaan Islam (Zaman Abbasiyyah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meneruskan <i>Dawawin</i> (himpunan buku-buku rekod pendaftaran) di zaman Umaiyyah.</li> <li>Tidak membataskan wakaf kepada kebajikan fakir miskin bahkan untuk tujuan pendidikan seperti perbelanjaan untuk pelajar, guru, kakitangan pendidikan dan perpustakaan ilmu, serta tempat perlindungan dan tempat tinggal bagi orang Islam.</li> <li>Memperkenalkan pentadbir wakaf iaitu <i>Sadr al-Waqf</i> (sebagai rujukan mengenai wakaf) yang bertanggungjawab untuk menguruskan operasi dan mengawasi perwakafan.</li> <li>Khaisabah bin Kalthum al-Tahbibî mewakafkan rumahnya untuk dijadikan masjid dan kini terkenal dengan Masjid Jamek Amru bin al-Aas.</li> </ul>

<p>Zaman Kerajaan Islam (Zaman Ayubiyah &amp; Mamalik)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Dawawin</i> di bahagikan kepada 3 bahagian (perwakafan masjid, khusus untuk 2 bidang tanah tanah haram, Mekah dan Madinah, untuk kebajikan pelbagai dan wakaf keluarga).</li> <li>• Raja Nuruddin az-Zanki mewakafkan tanah milik negara, termasuk tanah Baitul mal.</li> <li>• Memperkenalkan wakaf <i>al-Irshod</i> iaitu menyerahkan harta kepada Kerajaan untuk tujuan agama.</li> <li>• Wakaf Nablis (penebusan tawanan Islam yang ditawan oleh tentera salib pada tahun 564 H (1168 M)).</li> <li>• Wakaf Rumah Said al-Suada' (kegunaan untuk janda dan anak yatim).</li> <li>• Wakaf Ladang <i>al-Khibaniah</i> (perigi <i>Khaisariah</i> dan <i>al-Shufiah</i> yang terletak di daerah al-Bahnasawiah).</li> <li>• Wakaf sekolah (Sekolah <i>al-Nasirriah al-Syafieh</i>, <i>al-Qamihyyah</i>, <i>al-Malikian</i> di Fayuum).</li> <li>• Wakaf rumah sakit <i>Istana al-Fatimii</i>.</li> <li>• Wakaf <i>Haramain</i> (menggantikan Kiswah Ka'abah setiap tahun, kain makam Nabi SAW dan mimbarinya setiap 5 tahun sekali).</li> </ul>
<p>Zaman Emapayar Turki Uthamiyyah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakaf masjid dan bertujuan wakaf kebajikan sebagai <i>Irsod</i> (penyerahan tanah kepada wakaf oleh mana-mana agensi kerajaan).</li> <li>• Memberi atau membayar segala perbelanjaan bagi keperluan masjid, sekolah, serta hal berkaitan kebajikan.</li> <li>• Mewujudkan undang-undang yang memperuntukkan tentang pendaftaran wakaf, pensijilan wakaf, pengurusan wakaf, dan kemampuan untuk memenuhi objektif wakaf.</li> <li>• Menubuhkan lembaga wakaf untuk melaksanakan wakaf secara undang-undang dan pentadbiran.</li> </ul>
<p>Zaman Kini</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap negara mewujudkan institusi khusus untuk menguruskan wakaf, mewujudkan sistem yang lebih komprehensif untuk menguruskan harta wakaf.</li> <li>• Contoh awal iaitu Kementerian di Mesir khusus untuk wakaf yang dikenali sebagai <i>Wizaratul Awqaf</i>.</li> <li>• Sektor pendidikan dalam istitusi pendidikan tinggi di dunia Islam iaitu Universiti Al-Azhar di Mesir.</li> </ul>

(Sumber: Taib & Kamal, 2014)

### 3.4 Gambaran Dalam Institusi Wakaf Malaysia

Perkembangan wakaf di Malaysia didorong oleh perkembangan wakaf yang berlaku kebanyakan negara Islam diseluruh dunia (Zaim et al, 2015). Malaysia memiliki rizab tanah wakaf yang amat besar, tanah yang diwakaf ni dapat menjana ekonomi umat Islam. Malaysia tanah wakaf adalah seluas 11,091.82 hektar di mana sebanyak 4,836.50 hektar adalah wakaf am. Manakala 6,225.32 hektar adalah wakaf khas (Zaim et al, 2015). Setelah 9 tahun, statistik tanah wakaf seluruh Malaysia sehingga Julai 2023 adalah sebanyak 18,402 lot tanah wakaf dan 20,993 hektar di mana-mana tanah wakaf am atau wakaf khas (JAWHAR, 2023).

Kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, telah meletakkan semua urusan Hal Ehwal Pentadbiran Agama Islam di bawah bidang kuasa negeri-negeri atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Hal ini telah dinyatakan dalam Senarai Negeri, Senarai II, Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan (Zaim et al, 2015). Harta-harta wakaf yang telah dinyatakan di atas, diurus dan diberi kuasa di bawah pentadbiran MAIN dan menggubal Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) sebagai perundangan yang mengawal perkara-perkara yang berkaitan Hal Ehwal Islam negeri masing-masing (Zaim et al, 2015).

#### 4. Analisis dan Perbincangan

##### 4.1 Kepentingan Wakaf Kepada Sosioekonomi

Wakaf mempunyai kepentingan yang amat besar dalam perkembangan sosio-ekonomi umat Islam. Sejak zaman awal Islam hingga ke era moden, ia telah berfungsi sebagai mekanisme berkesan dalam menyokong kesejahteraan masyarakat dan mengurangkan jurang ketidaksamarataan ekonomi.

Kepentingan wakaf ini dapat dilihat melalui beberapa sektor utama iaitu:

##### 1. Sektor Pendidikan

Wakaf dalam pendidikan telah lama bermula sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan dianggap sebagai tradisi yang positif dan berkembang hingga ke hari ini (Taib & Kamal, 2014). Intituti pondok atau madrasah antara wakaf pendidikan yang terawal di Tanah Melayu yang diwakafkan oleh para ulama (Taib & Kamal, 2014). Jadual 3 di bawah menunjukkan senarai madrasah atau pondok yang terawal di Tanah Melayu dan telah diwakafkan untuk pendidikan agama Islam:

Jadual 3: Senarai Madrasah Awal di Tanah Melayu

Nama Institusi	Tahun	Sumbangan
Madrasah <i>al-Attas</i> , Pekan, Pahang / Sekolah Menengah Agama <i>al-Attas</i>	Awal abad ke-19 masihi	Madrasah pertama yang dibina diatas tanah diwakafkan oleh <i>al-Habib Hassan al-Attas</i> .
Madrasah <i>al-Masriyah</i> , Bukit Mertajam, Seberang Prai, Pulau Pinang / Sekolah Agama Al-Mariyah Bukit Mertajam	Tahun 1906	Sekolah pondok ke-7 diasaskan oleh Tuan Guru Hj Salleh al-Masri (Rahim, 1976).
Madrasah <i>al-Iqbal</i> di Singapura	Tahun 1907	Diwujudkan untuk kemudahan pelajar lulusannya untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi

		iaitu ke universiti di Timur Tengah.
Madrasah <i>Khariah Islamiah</i> , Pokok Sena, Kepala Batas, Pulau Pinang.	Tahun 1933	Memberi wakaf asrama, wakaf biasiswa, wakaf saran wakaf bangunan dan wakaf alat pembelajaran seperti buku, meja dan lain-lain (Taib & Kamal, 2014).
Maktab Mahmud, Kedah.	16 Jun 1936	
Madrasah <i>Masyhor Al-Islamiyyah</i> , Pulau Pinang.	Tahun 1916	
Madrasah <i>Al-Ihya Al-Syarif</i> , Perak.	15 April 1934	
Madrasah <i>Arabiah</i> Kluang, Johor.	8 Mei 1946	
Kolej Islam Malaya, Klang, Selangor	25 Februari 1955	

(Sumber: Rahim, 1976; Taib & Kamal, 2014 & Zaim et al, 2015)

## 2. Sektor Kesihatan

Pelaksanaan wakaf Kesihatan dibawah kendalian Majlis Agama Islam (MAIN) yang merangkumi bantuan sosial kepada golongan kurang berkemampuan, penjagaan kesihatan dan pembangunan infrastruktur (Norizah & Noorfazreen, 2021). Jadual 4 menunjukkan bentuk wakaf dan manfaat kepada komuniti dan ekonomi.

Jadual 4: Wakaf Kesihatan

Kendalian	Bentuk Sumbangan	Manfaat
Wakaf Selangor Muamalat	Wakaf Hospital & Klinik	Mengubahsuai kenderaan menjadi klinik bergerak dengan kerjasama hospital pilihan dalam menyediakan pekerja dan ubat (Bank Muamalat, 2017).
Johor Corporation (JCorp) & Wakaf An-Nur Corporation (WANCorp)		Kerjasama dengan MAIN Johor melalui KPJ Healthcare Berhad untuk menyediakan Hospital Wakaf An-Nur dan Perkhidmatannya (Norizah, 2017).
MAIN Pahang (MUIP) dengan kerjasama Klinik Al-Amin di Kuantan		Menyediakan pilihan penjagaan kesihatan kepada orang Islam (Norizah & Noorfazreen, 2021).

MAIN Persekutuan (MAIWP)		Sumbangan kemudahan hospital yang sedia ada, termasuk Surau Ibnu Sina dan Anjung Kasih di Hospital Putrajaya.  Ia berfungsi sebagai tempat tinggal sementara untuk waris pesakit yang menjalani rawatan (MAIWP, 2020).
MAIN Kelantan (MAIK)		Pelbagai alat perubatan yang disumbangkan termasuk kerusi roda, kerusi menunggu pesakit, mesin <i>kardiotokografi</i> , mesin pemeriksaan tanda <i>vital</i> bagi bayi, katil pesakit, mesin penyedut <i>mucus</i> dan mesin <i>ultrasound</i> kepada hospital dan klinik di seluruh negeri (MAIK, 2019).
Wakaf Selangor dengan kerjasama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)	Wakaf Peralatan Perubatan & Rawatan	Menyumbang kepada Hospital Klang dengan <i>drip stand</i> , <i>oxygen concentrator</i> , <i>syringe pump</i> dan mesin <i>professional powerheart</i> (Norizah & Noorfazreen, 2021).
		Menyumbang 3 buah mesin <i>monitor</i> pesakit kepada St John Ambulans Malaysia Kawasan Pantai Selangor.
		Sebuah mesin <i>ultrasound</i> disumbangkan kepada Hospital Tengku Ampunan Rahimah, Klang.
		Sebuah mesin pengesanan batu karang dan 10 unit <i>reclining chair</i> turut diberikan kepada Hospital Serdang (Bank Muamalat, 2020).
		Menyumbangkan sebuah mesin <i>ultrasound</i> kepada HUSM serta sebuah kerusi pergigian kepada Pusat Pergigian UKM. Sebuah tangka simpanan <i>nitrogen</i> disumbangkan kepada Majlis Kanser Negeri Sembilan (MAKNA) dan menghantar alatan perubatan kepada Pusat Kesihatan USIM (Wakaf Muamalat, 2021).

(Sumber: Bank Muamalat, 2017; Norizah, 2017 MAIK, 2019; MAIWP, 2020; Wakaf Muamalat, 2021 & Norizah & Noorfazreen, 2021)

### 3. Sektor Pembangunan Komuniti

Wakaf juga menyumbang kepada pembangunan infrastruktur asas seperti masjid, jalan raya, jambatan, pusat komuniti, dan kemudahan awam kepada masyarakat sekaligus menjana sumber ekonomi baharu (Norshahira et al, 2024). Kesemua ini memperkukuhkan daya tahan komuniti dan menyokong agenda pembangunan mampan. Salah satu contoh masjid wakaf di Malaysia ialah Masjid MADAD di bawah kendalian *Murtadha Dakwah Center* (MADAD). Nama MADAD bukan sahaja sebuah masjid yang gah terdiri dibalik sebidang tanah

yang dahulunya hutan tebal, namun ia adalah masjid yang membangunkan ummah dan masyarakat (MADAD, 2025). Lahirnya MADAD memberi pelbagai kebajikan bukan sahaja manusia tetapi haiwan juga mendapat manfaatnya iaitu Taman Kucing MADAD yang memberikan tempat perlindungan untuk kucing-kucing dalam komuniti, kebanyakan kucing jalanan yang diselamatkan oleh Team Rumah Kucing dihantar ke klinik haiwan sekitar Kedah dan dijaga sepenuhnya dengan ihsan kasih sayang Team Rumah Kucing (MADAD, 2025).

Selain daripada itu, MADAD juga menyediakan Maahad Tahfiz iaitu Maahad Intergrasi MADAD (MIM) bermula pada Disember 2019 dan mempunyai 5 tenaga pengajar dan 31 pelajar dari pelbagai negeri. Visi MIM ialah *“Menjadi insituti pendidikan terunggul dengan kaedah pembelajaran yang kreatif dan inovatif”* manakala misi MIM pula, *“Melahirkan 1 keluarga 1 hufaz yang berkualiti di Malaysia menjelang tahun 2030”*. Keistimewaan MIM ini ialah ia adalah pusat pengajian yang tidak mengutamakan yuran. Pelajar turut diberikan jadual pemakanan khas untuk meningkatkan daya ingatan mereka. MIM bekerjasama MOU dengan Karatina Indonesia dalam penekanan teknik hafalan dalam masa yang singkat dan berkualiti (MIM MADAD, 2021).

MADAD juga menyumbangkan tenaga untuk menjalankan modul pembelajaran ilmu agama di Rumah Anak Yatim Che Bema kepada 38 orang pelajar, dan menawarkan modul yang direka khas *“Mukmin Profesional”* bersesuaian dengan program KAFA sekolah rendah tetapi disesuaikan untuk pelajar sekolah menengah yang lebih berjaya (MADAD, 2025). Malahan, MADAD membantu menguruskan empat buah sekolah menengah kebangsaan biasa dengan melebihi 700 pelajar. Masyarakat di sekitar Sungai Petani juga boleh mengakses program pendidikan umum, seperti Klinik Al-Fatihah dan Halaqah Pengajian Al-Quran serta Fardu Ain. Pelbagai aktiviti lain yang dilakukan di masjid MADAD seperti pasar MADAD, Arena *Paintball*, program kemahiran seperti kelas saham, liga e-sports, kuliah-kuliah agama dan program-program bersama *influencer*.

MADAD bukan sekadar masjid tetapi pusat pembangunan komuniti yang memberikan khidmat dan program hasil daripada dana wakaf bermula dengan tanah hingga mampu memberikan pengajian dan pendidikan kepada masyarakat. Kejayaan wakaf membuktikan apabila ia dikendalikan dengan baik maka ia akan memberi manfaat kepada komuniti. MADAD menjadi pusat aktiviti gaya hidup Islam dengan mengemukakan aktiviti yang berinovasi dalam menarik minat

pelbagai lapisan masyarakat untuk bersosial di masjid (MADAD, 2025).

#### 4.2 Amalan Dan Cabaran Kontemporari

Peranan wakaf pada hari ini banyak membantu pembangunan ekonomi Islam (Norshahira et al, 2024). Wakaf juga menghasilkan sumbangan yang ketara kepada pertumbuhan ekonomi Islam selalui pelbagai kaedah yang telah diinovasi untuk kemudahan sumber kewangan untuk membiayai projek pembangunan yang menguntungkan komuniti (Norshahira et al, 2024).

Di Malaysia kini kebanyakan pembiayaan dalam sektor perubatan ditampung oleh dana wakaf (Mohd Ali, 2023). Pelbagai amalan dan bentuk wakaf telah diperkenalkan dan diwujudkan oleh MAIN dalam menampung projek pelbagai sektor terutamanya dalam sektor perubatan dan kesihatan (Norizah & Noorfazreen, 2021). Jadual 5 dibawah menunjukkan senarai projek wakaf kesihatan yang dijalankan oleh MAIN menggunakan pelbagai jenis bentuk wakaf (Norizah & Noorfazreen, 2021):

Jadual 5: Senarai Projek Wakaf Kesihatan

MAIN	Jenis/ Bentuk Wakaf	Projek Wakaf Kesihatan
Johor	Saham Wakaf Johor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelian Mesin Hemodialisis</li> </ul>
Melaka	Wakaf Tunai Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelian Mesin Hemodialisis</li> </ul>
Negeri Sembilan	Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Klinik dan Pusat Dialisis Wakaf An-Nur</li> <li>• Mesin Hemodialisis</li> <li>• Peralatan Perubatan</li> <li>• Bantuan Peralatan Rawatan Covid-19</li> </ul>
Kuala Lumpur	Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangan kepada Surau Ibnu Sina dan Anjung Kasih, Hospital Putrajaya</li> <li>• Manfaat keperluan kesihatan</li> </ul>
Selangor	Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Klinik Bergerak Wakaf Selangor Muamalat</li> <li>• Peralatan Perubatan</li> <li>• Bantuan Peralatan Rawatan Covid-19</li> </ul>
Perak	Wakaf Perak Ar-Ridzuan (Wakaf Tunai)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Hemodialisis</li> </ul>
Kelantan	Wakaf Kesihatan Am (Wakaf Tunai)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peralatan Perubatan</li> <li>• Bantuan Peralatan Perubatan Covid-19</li> </ul>
Terengganu	Dana Wakaf MAIDAM- Bank Rakyat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Hemodialisis</li> </ul>
Pahang	Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Klinik al-Amin Kuantan</li> </ul>
Kedah	Skim Dana Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek sektor kesihatan</li> </ul>

Perlis	Skim Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Autisme Negeri Perlis</li> <li>• Kompleks Bangunan Wakaf Negeri (MAIPs) perkhidmatan dialysis Hospital Tuanku Fauziah (HTF) Kangar.</li> </ul>
Sabah	Wakaf Am	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan umum kesihatan</li> </ul>
Sarawak	Skim Wakaf	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan umum kesihatan</li> </ul>
Pulau Pinang	Dana Wakaf Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Klinik Waqaf An-Nur</li> <li>• Wad Pesakit Terlantar Darul Hanan</li> </ul>

(Sumber: Laman Web Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2021; Norizah & Noorfazreen, 2021)

Di peringkat antarabangsa pula, negara seperti Turki telah menginstitusikan wakaf melalui “*General Directorate of Foundations*” yang mengurus ribuan aset wakaf termasuk universiti dan kompleks komersial. Hasil wakaf yang diterima telah menubuhkan aktiviti kebajikan seperti perkhidmatan dapur dan makanan kepada masyarakat serta mengagihkan makanan kering setiap bulan di sekitar Kosovo, Bosnia, Herzegovina, Macedonia dan Turkish Republic of Northern Cyprus (*Republic of Turkey Directorate General of Foundations, 2025*). Hasil wakaf juga digunakan untuk memberi sumbangan kepada golongan kanak-kanak yang kehilangan ayah atau ibu. Daripada hasil wakaf itu, *pihak Republic of Turkey Directorate General of Foundations* telah menyediakan biasiswa pengajian kepada pelajar sekolah rendah, menengah dan pelajar universiti tidak kira kepada anak tempatan dan terbuka kepada pelajar antarabangsa yang menuntut ilmu di negera mereka (*Republic of Turkey Directorate General of Foundations, 2025*).

*International Waqf Fund (IWF)* pula memperkenalkan wakaf pelaburan yang memberi manfaat kepada beberapa negara yang memerlukan. Sejak tahun 2000 mereka telah menyumbang lebih daripada 25 negara yang bermula di Sudan hingga ke Bosnia serta diteruskan sehingga Caribbean (*IWF, 2025*). Wakaf pelaburan ini berbeza dengan badan amal wakaf yang lain di mana derma boleh dibelanjakan dan dilupakan, sumbangan yang dikumpulkan di wakaf ini adalah pelaburan yang kekal. Ia berkembang dari masa ke masa, menyokong masyarakat dan memberikan pulangan yang dilaburkan semula untuk mencipta lebih banyak kebaikan (*IWF, 2025*). Wakaf ini telah mengumpul £9 juta setakat ini, menjana pulangan 5-7% setiap tahun, semuanya disalurkan kepada projek-projek yang mengubah hidup di seluruh dunia. Hasil wakaf pelaburan ini akan diagihkan melalui sektor pendidikan, kesihatan, kecemasan, anak yatim, perkembangan kanak-kanak, air dan qurban (*IWF, 2025*).

Namun demikian, institusi wakaf berdepan beberapa cabaran utama iaitu; pertama, isu tadbir urus dan ketelusan masih menimbulkan keraguan masyarakat, terutama dalam aspek pelaporan kewangan dan keberkesanan

pengurusan aset kebanyakan, hal ini boleh memberi kesan kepada masyarakat untuk tidak meneruskan sumbangan kerana tidak mengetahui wang di sumbangkan mereka dikongsi dan diagihkan kepada siapa (Hisham & Marwan, 2018).

Kedua, kekangan undang-undang dan birokrasi melambatkan proses pembangunan tanah wakaf, menyebabkan banyak aset bernilai tidak dimanfaatkan secara optimum. Menurut laporan JAWHAR (2023), sebanyak 3,018 bersamaan 16% tanah lot yang belum dimanfaatkan manakala 2,415 bersamaan 12% tanah hektar yang masih belum dimanfaatkan tanah wakaf (Radin et al, 2017).

Ketiga, tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan wakaf masih rendah, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung kepada bentuk sumbangan segera seperti *crowdfunding* (Ab Rahman et al, 2019). Keempat, keterbatasan integrasi teknologi dalam pengurusan wakaf menghalang usaha meningkatkan kecekapan serta menarik penyertaan lebih meluas (Zaim et al, 2015).

Kesimpulannya, walaupun institusi wakaf telah menunjukkan perkembangan positif dengan wujudnya pelbagai model baharu di Malaysia dan antarabangsa, ia tetap memerlukan penambahbaikan dari sudut tadbir urus, perundangan, kesedaran awam, dan teknologi agar lebih berkesan sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi pada era moden (Zaim et al, 2015).

### **4.3 Cadangan Dan Hala Tuju Wakaf**

Walaupun pelbagai inisiatif telah dijalankan di Malaysia dan negara-negara lain, terdapat beberapa aspek yang boleh diperkukuhkan bagi memastikan wakaf menjadi instrumen strategik dalam pembangunan masyarakat. Beberapa cadangan dan hala tuju masa depan adalah seperti berikut:

#### **1. Peranan Kerajaan**

Kerajaan memainkan peranan utama dalam memajukan sektor wakaf bagi membantu komuniti. Menyokong dan menaja projek pendidikan perlu dijadikan keutamaan negara (Taib & Kamal, 2014). Antara cara yang boleh dilakukan ialah menaja pelajar miskin dan cemerlang dengan biasiswa, memperluaskan wakaf dalam sektor kesihatan malah dalam sektor pembangunan (Taib & Kamal, 2014).

Contohnya, kerajaan juga perlu menggalakkan penubuhan institusi pendidikan serta memperkukuh sistem pendidikan wakaf (Taib & Kamal, 2014; Mohd Ali, 2016; Hisham & Marwan, 2018). Peruntukan daripada cukai dan sumber negeri seharusnya digunakan untuk memperluas akses kepada perkhidmatan pendidikan. Selain itu, kerajaan perlu membolehkan masyarakat melaksanakan pelbagai

projek wakaf dan memastikan segala bentuk ketidakadilan termasuk riba dihapuskan (Taib & Kamal, 2014 & Zaidi et al, 2023).

## **2. Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dikehendaki aktif terlibat dalam pembangunan dan pendidikan (Taib & Kamal, 2014). Selain itu, NGO juga perlu meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menyokong Kerajaan atau apa-apa projek wakaf di setiap negara. Untuk tujuan ini, NGO kebajikan boleh memberikan dana khusus untuk menaja dan membantu pelajar, terutamanya pelajar miskin dan mempunyai keperluan khas (Taib & Kamal, 2014).

## **3. Menyediakan Dana Pendidikan**

Selaras dengan kebenaran syarak, masyarakat Islam mempunyai keupayaan untuk menubuhkan dana pendidikan melalui wakaf dan sumbangan daripada badan amal yang dipilih (Hisham & Marwan, 2018). Umat Islam boleh mencapai kepentingan utama dalam Islam melalui amalan wakaf (Zaidi et al, 2023). Sekiranya harta wakaf ditadbir dengan baik, ia boleh menjadi aset yang besar untuk tujuan masyarakat Islam seperti membina masjid, sekolah, mengekalkan majlis ilmu, dan menyebarkan syiar Islam termasuk azan dan kepimpinan. Selain itu, wakaf juga berfungsi untuk memenuhi keperluan ibnu sabil, anak yatim, dan fakir miskin (Taib & Kamal, 2014; Norizah & Noorfazreen, 2021; Norshahira et al, 2024). Harta wakaf ini mampu meringankan penderitaan mereka, manakala golongan kaya yang menyumbang juga memperoleh rahmat daripada Allah SWT (Suraini et al, 2021).

## **4. Memperluaskan Inovasi Amalan Berwakaf**

Fenomena ini menggambarkan bahawa masyarakat semakin terbuka untuk menerima inovasi dalam amalan wakaf (Suraini et al, 2021). Inovasi adalah kunci utama bagi menjadikan wakaf terus berdaya saing dan berperanan memacu pembangunan sosioekonomi di pelbagai peringkat, daripada individu hingga ke Kerajaan (Yasin et al, 2023).

Justeru, usaha memperluas kesedaran melalui kempen dan seminar perlu diperhebat agar masyarakat benar-benar memahami kepentingan wakaf serta kepelbagaian modelnya, termasuk yang diketengahkan oleh institusi korporat seperti perbankan Islam (Suraini et al, 2021). Tanpa pemahaman ini, masyarakat mungkin kehilangan kepercayaan terhadap institusi wakaf, dan akhirnya menghalang wakaf daripada memainkan peranan yang sewajarnya. Justeru, amalan wakaf

wajar terus disuburkan dalam kehidupan umat Islam (Taib & Kamal, 2014 & Ab Rahman et al, 2019).

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, wakaf merupakan instrumen kewangan Islam yang memiliki nilai spiritual dan sosioekonomi yang sangat besar. Dari perspektif sejarah, ia telah terbukti menjadi tonggak utama pembangunan pendidikan, kesihatan, kebajikan, dan infrastruktur dalam tamadun Islam. Pada era moden, wakaf masih relevan malah semakin penting kerana ia mampu berfungsi sebagai mekanisme bersepadu untuk menangani isu ketidaksamaan sosial, mengurangkan kemiskinan, serta menyokong pembangunan mampan selaras dengan prinsip Maqasid al-Shariah.

Namun, cabaran dalam aspek tadbir urus, kesedaran masyarakat dan kekangan undang-undang perlu diberi perhatian serius agar potensi wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh itu, usaha pembaharuan melalui digitalisasi, inovasi produk kewangan Islam, peningkatan ketelusan dan kerjasama strategik awam dan swasta adalah langkah yang wajar diteruskan.

Secara keseluruhannya, wakaf bukan sahaja memenuhi tuntutan agama sebagai amal jariah tetapi juga berpotensi menjadi pemacu utama dalam memperkukuh ekonomi ummah dan membentuk masyarakat yang sejahtera, inklusif serta berdaya saing di peringkat global.

## Rujukan

- Ab Rahman, M. F., Thaidi, H. A. A., & Ab Rahman, A. (2019). Peranan Institusi Wakaf Dalam Melestarikan Pengurusan Warga Emas Di Malaysia. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 8(1), 21-30.
- Atan, S. M., Wahab, N., Salleh, R. M., & Sainan, Z. (2014). Sumbangan Harta Wakaf dalam Sektor Pendidikan di Johor: Satu Tinjauan. In *Proceedings of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF)*.
- Don, M. A. M. (2016, March). Peranan wakaf untuk pembangunan pendidikan tinggi: sejarah silam dan pelaksanaan di Malaysia. In *E-Prosiding 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016* (pp. 14-15).
- Daud, M. Z., Hussin, M. N. M., & Mohamad, S. A. M. S. (2023). Pembangunan Tamadun melalui Wakaf Keluarga: Analisis dari Perspektif Sejarah Islam: Civilizational Development through Family Waqf: An Analysis from Islamic Historical Perspectives. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(2), 71-86.
- Hasbani, R. A. A. R., Zahrin, S. N. A., & Haron, M. S. (2017). Peranan wakaf dan cinta kemanusiaan untuk kesejahteraan umat. *Sains Insani*, 2(2), 127-134.
- Ismail, M. Z., Rosele, M. I., & Ramli, M. A. (2013, September). Pemeraksanaan wakaf di Malaysia: satu sorotan. In *Kertas Kerja yang dibentangkan dalam 5th Islamic System Conference (iECONS 2013) pada* (pp. 4-5).
- Kamarzaman, N., Ahmad, A. A., Zain, M. N. M., & Muda, M. Z. (2024). Peranan Wakaf dalam Penggerak Ekonomi Islam bagi Menangani Keterbatasan Dana dalam Penyelidikan dan Inovasi di Sektor Pendidikan TVET [The Role of Waqf in Driving

- Islamic Economics to Address Funding Limitations in Research and Innovation Within The TVET Education Sector]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 7(2), 290-308.
- Laman Rasmi Kamus Bahasa Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka (2017). Definisi Wakaf, Kamus Dewan Edisi Keempat. Dimuat turun di <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=wakaf>
- Mahamood, S. M., Rahman, A. A., & Seman, A. C. (2018). Cabaran pelaksanaan wakaf universiti awam di Malaysia: Analisis menurut perundangan di Malaysia.
- Mohd Taib, M. S., & Mujani, W. K. (2014). Sejarah pendidikan wakaf di Malaysia: Tinjauan literatur.
- Mohamed, N., Daud, H., & Aris, N. M. (2021). Pelaksanaan Wakaf Kesihatan oleh Majlis Agama Islam Negeri (Main): Implementation of Healthcare Waqf by The State Islamic Religious Council (Main). *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 109-120.
- Nazeri, A. N. N. A., & Ab Rahman, A. A. (2021). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi di Negeri Perak: The Role of Waqf in the Economic Development of Perak. *Jurnal Fiqh*, 18(1), 169-216.
- Nawi, N. H. M., & Ismail, M. (2018). Falsafah wakaf pendidikan tinggi; Satu semakan semula. *Journal of Techno-Social*, 10(2).
- Portal Rasmi Laporan Akhbar Berita Harian Online (2018). Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/11/501641/universiti-wakaf-pertama-akan-dibina-fuziah> pada 24 November 2018.
- Portal Rasmi *Republic of Turkey Directorate General of Foundations* (2025). Dirujuk daripada <https://www.vgm.gov.tr/home-page>
- Portal Rasmi International Waqf Fund (2025). Dirujuk daripada <https://waqf.org/>
- Ridwan, M. (2018). Wakaf Dan Pembangunan Ekonomi. *ZISWAF: Jurnal Zakat Dan Wakaf*, 4(1), 105-124.
- Rahmany, S. (2019). Wakaf Produktif Di Malaysia. *IQTISHADUNA: Jurnal Ilmiah Ekonomi Kita*, 8(1), 43-64.
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). Hubungan Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Sumbangan Wakaf Dengan Kepercayaan Terhadap Institusi Pengurusan Wakaf Di Malaysia:(Relationship Between The Level Of Community Understanding Of Wakaf Contribution And Belief In Wakaf Management Institutions In Malaysia). *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 50-60.
- Wahib, M., & Lc, M. A. (2019). Wakaf Tunai dalam Perspektif Hukum Islam. *Syar'ie*, 1.
- Yasin, R., Ab Ghani, S., Saufe, N. A. S., & Yasin, R. (2023). Relevansi Pelaksanaan Wakaf Pendidikan dan Keberkesanan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 176-187.
- Yusoff, W. Z. W., Mazlan, N. A., & Omar, A. J. (2021). Model Universiti Wakaf di Malaysia: Universiti College Bestari, Terengganu. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1371-1382.